

Analisis Terhadap Manfaat Simpanan Wang di Bank

SHOFIAN AHMAD & HAYATULLAH LALUDDIN

Abstrak

Dalam usaha pihak bank menarik sejumlah besar simpanan daripada para penyimpan ke dalamnya, ia telah menawarkan pelbagai faedah dan manfaat yang boleh dinikmati oleh para penyimpan berasaskan simpanan mereka. Bentuk-bentuk manfaat tersebut boleh dibahagikan kepada dua iaitu: manfaat secara langsung dan manfaat secara tidak langsung. Contoh manfaat langsung seperti pemberian dividen kepada penyimpan. Manakala contoh manfaat yang tidak langsung seperti kemudahan-kemudahan tertentu yang diterima oleh penyimpan berpunca daripada simpanan mereka. Contohnya tawaran perlindungan insuran percuma bagi penyimpan, kemudahan diskaun dalam pembelian menggunakan kad-kad debit, hadiah-hadiah tahunan, cabutan bertuah dan sebagainya yang berasaskan kepada simpanan mereka di dalam bank. Kajian ini akan memfokuskan terhadap status hukum bagi manfaat secara tidak langsung yang ditawarkan oleh pihak bank kepada penyimpan. Metod kajian ini berbentuk kajian kepustakaan. Kerangka teori kajian ini bertitik tolak di atas status hukum dan bentuk simpanan wang di bank-bank Islam. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat pelbagai bentuk manfaat yang diterima oleh para penyimpan di bank-bank Islam sama ada berbentuk langsung dan tidak langsung. Kesemua manfaat tersebut adalah diterima berasaskan simpanan mereka di bank-bank tersebut.

Abstract

The banks, in their attempts to attract more customers, offer various forms of benefits and facilities that the customers can enjoy when depositing funds in the banks. These benefit and facilities can take two forms: direct and indirect. Direct benefits are represented by provision of dividend to depositors whereas; the indirect benefits are represented by offering of insurance, sale on discount rate when using the debit card, annual gift and lucky draw. The customers are entitled to such facilities and benefit based on their savings in the bank. This research focusses mainly on the issue of indirect benefits and their status from Shariah perspective. Library research method is used in this research due to the nature of its subject. The hypothesis of the research revolves around the status of the indirect benefits offered by the bank from Shariah perspective and the distinctive feature of such benefits offered by Islamic banking. The finding of the research shows that the benefits, direct or indirect, received by customers in Islamic banking have various features. All these benefits are received through depositing funds in the bank.

Pendahuluan

Bentuk asal akad simpanan (*wadi'ah*) ialah amanah. Amanah secara umumnya bermaksud aman, selamat, dan jujur. Maksud ini terdapat dalam akad simpanan di mana pihak penyimpan dan penerima simpanan saling mempercayai antara satu sama lain. Walau bagaimanapun konsep amanah dalam akad simpanan ini lebih banyak tertumpu kepada penerima simpanan. Penerima simpanan dikatakan telah menerima amanah dan kepercayaan daripada penyimpan dengan akad tersebut. Beliau perlu menghargai kepercayaan tersebut dengan menjaga dan menyimpan barang simpanan secara sepatutnya. Bahkan berdasarkan konsep amanah juga, penerima simpanan tidak mengharapkan sebarang balasan atau manfaat daripada simpanan tersebut. Justeru beliau tidak boleh menggunakan barang simpanan tersebut kerana ia dianggap melanggar amanah dan kepercayaan tersebut.¹ Beliau juga tidak dipertanggungkan

dengan apa-apa risiko yang berlaku atas barang simpanan kecuali jika ia berlaku dengan sebab kecuaiian atau perbuatan tidak amanah oleh penerima simpanan terhadap harta simpanan. Oleh yang demikian para fuqaha menamakan akad simpanan sebagai akad amanah.

Namun pada masa ini konsep amanah dalam simpanan telah diubahsuai oleh pengendali-pengendali perbankan bagi menyesuaikan dengan keperluan mereka terhadap kecairan dan aset lain menerusi simpanan yang dilakukan oleh para penyimpan. Oleh itu konsep amanah dalam akad simpanan telah ditukar kepada konsep jaminan (*dhaman*). Dengan konsep baru ini, ia telah mengubah beberapa status hukum berkaitan akad simpanan. Antaranya membenarkan pihak bank menggunakan simpanan tersebut dan menjadikan segala risiko ke atas barang simpanan dipindahkan kepada pihak bank.

Berdasarkan konsep jaminan dalam simpanan seperti ini, maka pihak bank telah memperkenalkan pelbagai jenis akaun. Untuk lebih menarik minat para penyimpannya, maka pihak bank telah menawarkan pelbagai keistimewaan serta manfaat tertentu kepada mereka. Pengenalan konsep jaminan ini bukanlah mengubah hukum simpanan, tetapi hanyalah mengubah konsep asalnya sahaja iaitu konsep amanah. Konsep jaminan terhadap simpanan di bank-bank lebih memberi kebaikan dan maslahat kepada pihak penyimpan dan pihak bank. Bagi pihak penyimpan, mereka tidak perlu risau dengan risiko terhadap simpanan mereka seperti kehilangan, kerugian, kemusnahan dan sebagainya kerana risiko-risiko tersebut telah pun dipindahkan kepada pihak bank. Manakala bagi pihak bank pula ia boleh menggunakan simpanan yang terkumpul di dalamnya untuk tujuan perniagaan dan pembiayaan.

Definisi manfaat

Manfaat pada bahasa bermaksud berguna, berfaedah atau yang memberi kebaikan.² Berdasarkan pengertian yang ditunjukkan oleh bahasa ini, manfaat tidak memperlihatkan apa-apa keburukan atau unsur negatif daripada maksud manfaat.

Menurut istilah pula, para fuqaha mendefinisikan manfaat sebagai 'lembihan' yang diterima oleh sesuatu benda. Bentuk lebihan tersebut boleh dibahagikan kepada dua, iaitu:

- a. Lebihan yang sama seperti benda tersebut. Lebihan jenis ini dikenali dengan lebihan benda (*'ain*). Contohnya RM1 menjadi RM2, segantang beras menjadi dua gantang beras.
- b. Lebihan yang tidak sama seperti benda tersebut. Lebihan jenis ini dikenali sebagai manfaat yang terhasil daripada benda (*thamarat al-ayan*). Contohnya susu ialah manfaat yang terhasil daripada haiwan dan buah ialah manfaat yang terhasil daripada pokok.³

Berdasarkan definisi istilah, manfaat bukanlah mutlak menunjukkan suatu yang buruk dan terlarang atau ia bukanlah sinonim dengan riba yang diharamkan. Manfaat ada yang diharuskan, contohnya manfaat atau lebihan wang yang dihasilkan melalui pelaburan yang dikenali sebagai keuntungan atau manfaat buah-buahan yang dihasilkan daripada pokok yang dikenali sebagai *ghallah*.⁴

Sebaliknya manfaat atau lebihan tersebut hanya akan menjadi haram apabila dikaitkan dengan aktiviti riba. Riba juga didefinisikan oleh fuqaha sebagai lebihan sama ada lebihan dalam pertukaran (*riba al-buyu*) atau lebihan dalam bayaran balik hutang (*riba al-qurud*). Contoh lebihan dalam riba pertukaran seperti menukar satu gantang beras dengan dua gantang beras yang dikenali sebagai *riba al-fadhl*.⁵ Manakala contoh lebihan dalam riba hutang seperti lebihan daripada jumlah asal berhutang yang perlu dibayar balik oleh penghutang sepertimana kebiasaan berlaku dalam aktiviti hutang secara riba. Oleh yang demikian lebihan dalam riba juga adalah suatu bentuk manfaat. Tetapi ia diharamkan oleh syarak kerana manfaat tersebut bersifat tidak seimbang dan adil sepertimana manfaat atau keuntungan yang terhasil dari perdagangan yang dibenarkan. Firman Allah SWT di dalam surah al-Baqarah ayat 275.

الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَا لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ الَّذِي يَتَخَبَّطُهُ الشَّيْطَانُ مِنَ الْمَسِّ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا إِنَّمَا الْبَيْعُ مِثْلُ الرِّبَا وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا فَمَنْ جَاءَهُ مَوْعِظَةٌ مِنْ رَبِّهِ فَانْتَهَى فَلَهُ مَا سَلَفَ وَأَمْرُهُ إِلَى اللَّهِ وَمَنْ عَادَ فَأُولَئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ

Terjemahan:

Orang yang memakan (mengambil) riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk syaitan dengan terhuyung-hayang kerana sentuhan (syaitan) itu. Yang demikian ialah disebabkan mereka mengatakan: "Bahawa sesungguhnya berniaga itu sama sahaja seperti riba". Padahal Allah telah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharamkan riba. Oleh itu sesiapa yang telah sampai kepadanya peringatan (larangan) dari Tuhannya lalu ia berhenti (dari mengambil riba), maka apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum pengharaman itu) menjadi haknya, dan perkaranya terserahlah kepada Allah. Dan sesiapa yang mengulangi lagi (perbuatan mengambil riba itu) maka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya.

(Surah al-Baqarah, 2:275)

Simpanan wang di bank dan manfaatnya

Secara asasnya terdapat tiga jenis akaun yang ditawarkan oleh pihak bank untuk para pelanggannya menyimpan wang. Akaun-akaun tersebut ialah akaun simpanan, akaun semasa dan akaun tetap. Ketiga-tiga jenis akaun ini dapat diringkaskan kepada dua tujuan asas sahaja, iaitu:

- a. untuk tujuan simpanan seperti akaun simpanan dan akaun semasa, dan
- b. untuk tujuan pelaburan seperti akaun tetap.

Setiap jenis akaun tersebut memberi keistimewaan dan manfaat tertentu kepada penyimpannya. Walau bagaimanapun manfaat daripada akaun tetap yang lebih bertujuan pelaburan tidak menimbulkan perselisihan pendapat di kalangan fuqaha, kerana aktiviti pelaburan ialah sejenis perkongsian dalam keuntungan dan kerugian. Justeru manfaat daripada pelaburan diharuskan oleh syarak kerana ia ialah keuntungan bukannya riba. Apa yang menimbulkan perselisihan di kalangan mereka adalah tentang manfaat simpanan dalam akaun simpanan dan akaun semasa yang lebih bertujuan simpanan. Punca perselisihan mereka adalah

pada status hukum bagi simpanan dalam kedua-dua akaun tersebut, adakah dikira sebagai simpanan (*wadi'ah*) atau hutang (*qardh*)?

Sebelum menjawab permasalahan tersebut, terlebih dahulu elok dilihat bentuk-bentuk dan gambaran bagi manfaat dan faedah yang diterima oleh para penyimpan daripada pihak bank berasaskan simpanan tersebut. Secara umumnya ia boleh dibagikan kepada dua bentuk, iaitu:

- a. Manfaat berbentuk pemberian dividen secara langsung kepada penyimpan atas dasar *hibah*.
- b. Manfaat berbentuk secara tidak langsung seperti pemberian kemudahan-kemudahan tertentu yang dinikmati oleh penyimpan daripada simpanan mereka.

Bentuk yang pertama hanya terhad pada pemberian dividen iaitu lebihan yang sama dengan benda yang disimpan (*wang*). Ia dikenali oleh fuqaha sebagai lebihan barang seperti yang telah dijelaskan dalam definisi manfaat. Sebaliknya bentuk manfaat yang kedua mula mendapat perhatian daripada pengendali perbankan kerana ia dapat diberikan dalam pelbagai bentuk kepada para penyimpan dalam usaha menarik minat mereka untuk menyimpan di bank. Ia dikenali oleh fuqaha sebagai *thamarat al-'ayn* iaitu lebihan yang terhasil daripada benda dalam sesuatu aktiviti, sama ada aktiviti yang:

- a. tujuan asalnya adalah untuk menyimpan seperti akaun simpanan dan akaun semasa, atau
- b. tujuan asal bukanlah untuk menyimpan, tetapi memperoleh kemudahan yang disediakan oleh simpanan tersebut seperti akaun debit yang dibekalkan bersama-sama kad debit yang boleh digunakan di premis-premis yang menyediakan kemudahan tersebut.

Berikut disenaraikan beberapa contoh bentuk manfaat tersebut yang terdapat dalam perbankan Islam di Malaysia:

- a. Manfaat daripada akaun-akaun simpanan.

Dalam sistem ekonomi pasaran bebas, pihak bank sentiasa bersaing untuk menarik jumlah pelanggan dan simpanan mereka ke

dalamnya. Untuk itu mereka akan menawarkan beberapa bentuk manfaat dan hadiah kepada para penyimpan sama ada yang berbentuk dividen secara langsung atau manfaat-manfaat lain yang tidak langsung (*thamarat al-a'yan*). Antara bentuk manfaat dan hadiah yang tidak langsung adalah seperti:

- i. Pemberian berupa manfaat barangan seperti tabung simpanan, payung, t-shirt dan sebagainya. Pemberian berupa manfaat barangan sebegini banyak dilakukan oleh bank sebagai galakan secara mudah untuk menarik penyimpan supaya menyimpan lebih pendapatan mereka di bank-bank berkenaan.
 - ii. Hadiah berupa mata ganjaran yang boleh ditukar kepada barangan, sebagai contoh, dalam Akaun Simpanan-i Pewani yang ditawarkan oleh Bank Islam Malaysia Berhad, bank akan memberikan 10 mata ganjaran kepada pemilik akaun tersebut yang mengekalkan purata baki simpanannya dalam setiap bulan melebihi RM1000.
 - iii. Hadiah berupa perlindungan takaful. Sesetengah bank seperti Bank Islam Malaysia Berhad menghadahkan perlindungan takaful keluarga secara percuma kepada penyimpan dalam Akaun Simpanan-i Wadi, Akaun Simpanan-i Ijraa dan Akaun Simpanan-i Pewani. Dalam akaun Simpanan-i Pewani sebagai contohnya, pihak bank menawarkan perlindungan Takaful Hawa berjumlah RM25,000 secara percuma dengan syarat purata baki simpanan mereka setiap bulan hendaklah berjumlah RM50,000 dan ke atas.
 - iv. Hadiah dalam bentuk keistimewaan tertentu yang boleh dinikmati oleh penyimpan seperti kelayakan menyertai peraduan dengan sebab membuka akaun simpanan tersebut di bank atau dapat menikmati kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh bank kepada mereka sebagai ahli kelab simpanan.
- b. Manfaat daripada kad-kad debit.

Kad debit juga mengguna akad *wadi'ah* kerana ia mensyaratkan pemegangnya menyimpan sejumlah wangnya di dalam akaun

debit di bank bagi membolehkannya melakukan transaksi di premis-premis yang menawarkan kemudahan tersebut tanpa perlu membawa wang tunai.

Penawaran kad-kad debit seperti ini oleh sesetengah bank pada masa kini disertakan dengan pelbagai kemudahan, faedah dan manfaat kepada pemegangnya. Antara manfaat yang biasa diterima oleh pemegangnya ialah rebat harga dari pembelian tertentu menggunakan kad-kad debit tersebut serta mendapat perlindungan insurans secara percuma. Ini seperti yang dilakukan oleh Maybank Berhad melalui kad debitnya yang memberikan satu mata ganjaran bagi setiap jumlah RM3 yang dibelanjakan oleh pemegang menggunakan kad tersebut. Mata ganjaran tersebut boleh dikumpul oleh pelanggan dan menukarkannya dengan produk atau perkhidmatan tertentu yang ditawarkan oleh pengeluar. Bagaimanapun kad ini turut mengenakan sedikit caj kepada pemegangnya apabila mereka membuat pengeluaran tunai dengan menggunakan kad debit tersebut dengan syarat-syarat tertentu.⁶ Manakala sesetengah bank lain pula seperti Bank Simpanan Nasional dan Affin Bank Berhad, menawarkan rebat tunai sebanyak 0.5% daripada harga barangan yang dibeli menggunakan kad debit mereka. Rebate ini bagaimanapun akan dikumpul terlebih dahulu selama 12 bulan dan akan dikreditkan kemudiannya ke dalam akaun pemiliknya.

Contoh-contoh hadiah dan manfaat yang disediakan oleh pihak bank kepada penyimpannya seperti yang telah disentuh di atas, merupakan perkara lumrah yang dilakukan oleh institusi perbankan termasuk perbankan Islam. Secara umumnya ia menggambarkan satu bentuk manfaat tidak langsung yang diterima oleh para penyimpan apabila mereka membuka akaun-akaun simpanan di bank berkenaan. Ia bukanlah diberikan secara percuma oleh bank kepada sesiapa sahaja tanpa mensyaratkan kepada mereka terlebih dahulu membuka akaun simpanan di bank berkenaan. Sebaliknya manfaat tersebut hanya akan diterima setelah mereka membuka akaun-akaun tersebut yang ditawarkan.

c. Hukum Manfaat Simpanan Wang Di Bank

Para fuqaha berselisih pendapat tentang hukum manfaat yang diterima oleh penyimpan di bank-bank seperti yang telah dijelaskan dalam contoh di atas. Punca perselisihan adalah berkaitan dengan perselisihan status simpanan wang di bank. Secara umumnya terdapat tiga pendapat fuqaha tentang status simpanan di bank, seperti berikut:

Pendapat pertama: status simpanan wang di bank ialah *qardh* menurut Islam.

Pendapat kedua: status simpanan wang di bank ialah *wadi'ah* menurut Islam.

Pendapat ketiga: status simpanan wang di bank ialah *wadi'ah* dengan *ujrah*.

Berikut akan dibincangkan alasan-alasan yang diberikan oleh setiap pendapat tersebut.

i. Alasan pendapat pertama

Seperti yang telah dijelaskan bahawa golongan ini berpendapat status simpanan wang yang terdapat di bank-bank pada masa kini adalah sebagai *qardh*. Menurut Mawlawi (1990), secara kaedahnya apabila sesuatu simpanan (*wadi'ah*) dibenarkan untuk digunakan maka ia akan bertukar menjadi pinjaman (*ariyah*) jika simpanan tersebut berbentuk benda dan akan menjadi hutang (*qardh*) jika ia berbentuk wang. Oleh itu, simpanan wang di bank yang dibenarkan pihak bank menggunakannya tidak dinamakan lagi sebagai simpanan (*wadi'ah*) sebaliknya dinamakan sebagai hutang (*qardh*).⁷

Secara kaedahnya, “Yang diambil kira dalam sesuatu akad ialah maksud dan tujuannya, bukan nama dan bentuknya.”⁸ Maksud yang jelas apabila seseorang menyimpan wang kepada orang lain dan membenarkannya menggunakan wang tersebut, adalah untuk memberi hutang kepadanya. Justeru, ia terikat dengan hutang-piutang yang telah ditetapkan oleh syarak.

Sebagaimana yang diketahui, pihak bank apabila menerima simpanan daripada pelanggannya, tidak bertujuan semata-mata menyimpan wang tersebut. Sebaliknya mereka pasti akan menggunakannya untuk tujuan dan aktiviti perbankan. Bahkan antara objektif sistem perbankan adalah untuk menyelaraskan keperluan kewangan bagi unit lebih dan unit kurangan, dengan menjadikan bank sebagai pengantara. Justeru melalui gambaran ini amat jelas bahawa bank menggalas satu tanggungjawab (*dhaman*) apabila menerima simpanan daripada orang ramai. Maksud tanggungjawab tersebut menunjukkan bahawa pihak bank menjadi penghutang dengan penyimpan (pemiutang) bukanlah semata-mata menjadi penerima simpanan. Hal ini turut disokong dengan maksud kaedah fiqh “Perkara yang telah diketahui secara kebiasaan sama seperti yang disyaratkan”. Kaedah ini amat sesuai digunakan untuk menyokong kenyataan bahawa status simpanan wang di bank ialah hutang bukannya simpanan semata-mata.

Menurut pendapat ini setiap manfaat yang terhasil daripada hutang ialah riba sama ada manfaat tersebut berbentuk *‘ain* atau *thamarat al-a’yan* seperti yang dijelaskan. Pengharaman sesuatu manfaat yang berkaitan dengan hutang adalah jelas seperti mana yang dimaksudkan oleh hadis:

عن علي رضي الله عنه قال : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم :
كل قرض جرّ منفعة فهو ربا

Bermaksud:

Daripada Ali r.a., berkata: Rasulullah SAW bersabda: “setiap hutang yang mendatangkan manfaat ialah riba.”⁹

ii. Alasan pendapat kedua

Selain pendapat pertama, terdapat juga pendapat yang menyatakan bahawa status simpanan wang di bank-bank kini ialah simpanan (*wadi’ah*) dan bukannya hutang (*qardh*).

Menurut Abu Jayb (1994), ahli-ahli perundangan dan perbankan semasa, simpanan wang di bank bermaksud simpanan (*wadi'ah*). Bank yang menerima simpanan bertanggungjawab menyerahkan kembali kepada penyimpan, sama ada jumlah yang sama banyak atau jumlah lain yang diperseujui dalam syarat-syarat simpanan. Dalam masa yang sama juga bank berhak memanfaatkan simpanan tersebut.¹⁰ Berhak atas manfaat tidak sama dengan berhak ke atas benda (*raqabah*) yang disimpan. Berhak atas manfaat ialah pihak bank diberi kebenaran oleh pemilik wang (penyimpan) untuk menggunakan wang tersebut sementara ia tersimpan di bank-bank berkenaan. Manakala berhak atas benda (*raqabah*) menunjukkan pemilikan terhadap *'ain* benda tersebut iaitu wang yang tersimpan di bank. Milik *raqabah* seperti ini tidak pernah berlaku pada pihak bank terhadap wang yang disimpan di bank-bank, kerana penyimpan boleh mengeluarkan wang simpanan mereka daripada bank tersebut pada bila-bila masa sahaja tanpa terikat dengan syarat-syarat tertentu.

Demikian juga, kebenaran penyimpan kepada penerima simpanan untuk menggunakan wang simpanan tidak menjadikan akad tersebut sebagai akad hutang (*qardh*) sebaliknya menjadikannya sebagai akad tanggungan (*dayn*). Terdapat perbezaan antara akad *qardh* dengan akad *dayn* dari segi makna dan hukum. Dari segi makna, *qardh* atau hutang adalah lebih khusus, sedangkan *dayn* atau tanggungan lebih umum. *Qardh* menggambarkan pemotongan sebahagian harta oleh pemiliknya untuk diserahkan kepada seseorang untuk digunakan dan dipulangkan kembali bahagian tersebut pada masa yang ditetapkan. Manakala *dayn* menggambarkan konsep tanggungjawab iaitu tanggungjawab penerima simpanan untuk memulangkannya kembali pada bila-bila masa barang simpanan tersebut diperlukan. Konsep *dayn* inilah yang digambarkan oleh fuqaha sebagai *dhaman* (jaminan). Manakala dari segi hukum juga berbeza kerana akad *qardh* ialah akad yang *lazim*¹¹ kepada pihak penghutang, sedangkan akad simpanan merupakan akad yang tidak *lazim* atau dikatakan akad yang harus dalam hukum muamalat.

Bagi mereka yang berpandangan bahawa simpanan wang di bank ialah *wadi'ah*, maka sebarang manfaat yang diterima oleh penyimpan daripada bank adalah diharuskan. Ini kerana akad simpanan ialah akad *amanah* yang tidak mungkin berlaku riba padanya.¹² Konsep akad amanah berbentuk *tabarru*¹³ di mana pihak bank menerima simpanan secara sukarela dan tanpa mengenakan sebarang bayaran bagi tujuan simpanan tersebut. Atas dasar *tabarru* jugalah maka penyimpan membenarkan penerima simpanan memanfaatkan wang simpanan mereka dan atas dasar *tabarru* jugalah penerima simpanan yang telah memanfaatkan wang simpanan tersebut memberi sedikit kelebihan dan manfaat kepada penyimpannya.

iii. Alasan pendapat ketiga

Selain dua pandangan di atas, ada yang berpendapat bahawa simpanan yang tidak dikenakan sebarang caj penyimpanan maka ia ialah simpanan yang berbentuk amanah. Tetapi jika ia dikenakan caj penyimpanan oleh penerima simpanan maka ia telah bertukar menjadi *ijarah*. Pendapat ini merupakan pendapat sebahagian fuqaha Hanafiyah.¹⁴ *Ijarah* berbeza dengan *wadi'ah*, kerana *ijarah* ialah sejenis akad yang berbentuk *dhamanah* manakala *wadi'ah* pula berbentuk amanah.

Pendapat ini agak jauh daripada realiti simpanan wang di bank yang tidak dikenakan sebarang caj mahupun kos yang berkaitan dengan simpanan kepada penyimpannya.¹⁵ Namun dari satu segi, timbul persoalan tentang hak yang dimiliki oleh pihak bank untuk menggunakan simpanan tersebut, adakah boleh dikira seperti bayaran upah secara tidak langsung oleh penyimpan kepada bank? Para fuqaha tidak sependapat dalam mengharuskan hukum ini menjadikannya manfaat sebagai bayaran sewa dan upah. Ini kerana syarat *ujrah* mestilah sesuai dengan spesifikasi harta antaranya: suci, bermanfaat, boleh dimiliki dan sebagainya. Para fuqaha tidak sependapat dalam menganggap manfaat sebagai harta. Secara umumnya jumhur fuqaha menganggap harta terdiri daripada benda

(*‘ain*) dan manfaat. Manakala fuqaha Hanafiyyah pula hanya membataskan harta kepada benda (*‘ain*) sahaja. Justeru berasaskan pandangan Hanafiyyah, maka manfaat bank iaitu menggunakan wang simpanan, tidak boleh dianggap sebagai upahnya atau bayaran yang diterimanya daripada pelanggan. Berasaskan pandangan Hanafiyyah juga, tidak berlaku akad sewaan dalam simpanan bank pada masa kini.

Pendapat Terpilih

Berdasarkan ketiga-tiga pandangan ini, pandangan kedua yang mengatakan bahawa status simpanan wang di bank-bank adalah sebenarnya simpanan bukannya hutang, dilihat sebagai pendapat yang lebih kukuh. Justeru sebarang manfaat yang diperolehi oleh para penyimpan adalah tidak dikira sebagai riba. Kekuatan pendapat pertama ini dilihat dari beberapa aspek, iaitu:

- i. Simpanan merupakan akad yang harus di mana kedua-dua belah pihak boleh membubarkan akad tersebut pada bila-bila masa. Sedangkan akad hutang merupakan akad yang mengikat (*lazim*) sebelah pihak iaitu pihak penghutang. Dengan kata lain pihak pemiutang tidak boleh membubarkan akad hutang yang belum matang dengan penghutang kecuali dengan persetujuan penghutang. Sebaliknya pihak penghutang boleh membubarkan akad hutang dengan pemiutang dengan syarat dia menjelaskan jumlah hutangnya walaupun belum sampai tempoh matang.¹⁶
- ii. Dari segi niat dan tujuan menyimpan, kebanyakan mereka yang menyimpan wang di bank-bank adalah dengan tujuan memudahkan pengurusan kewangan mereka seperti kemasukan gaji bulanan, perbelanjaan semasa, awasan dan sebagainya. Semua tujuan tersebut lebih menunjukkan makna simpanan daripada makna hutang. Hanya dengan memberi kebenaran sementara kepada bank menggunakan simpanan tersebut tidak boleh dikatakan sebagai memberi hutang.
- iii. Dari segi akad asal ia berlaku atas dasar simpanan bukannya hutang. Ini dapat dilihat secara jelas dalam syarat-syarat perjanjian

antara pihak bank dengan pelanggan apabila mereka bersetuju membuka akaun simpanan ataupun akaun semasa di bank tersebut. Simpanan tersebut tidak memindahmilikkan wang mereka kepada pihak bank, bahkan pemilikan masih kekal pada penyimpannya dan mereka boleh menuntut simpanan mereka pada bila-bila masa yang dikehendaki.

- iv. Ini berbeza dengan simpanan yang berlaku di bank-bank konvensional, di mana ia jelas bertujuan hutang. Buktinya, pihak bank, apabila menerima simpanan daripada para pelanggannya, telah menjanjikan pulangan iaitu lebihan yang tetap bagi simpanan tersebut jika disimpan untuk satu tempoh masa tertentu di bank berkenaan. Dengan itu, bank-bank konvensional lebih bermaksud mengambil hutang dengan menjanjikan sejumlah tetap faedah dan pulangan kepada penyimpannya. Hal ini boleh disamakan dengan kaedah fiqh yang bermaksud: “perkara yang memang telah diketahui secara adat/kebiasaan seperti suatu syarat”. Justeru, simpanan di bank konvensional yang menjanjikan faedah tetap secara jelas sebenarnya ialah suatu bentuk hutang. Demikian juga para penyimpan di bank-bank konvensional tidak dikatakan menyimpan, sebaliknya memberi hutang, kerana tidak ada maksud yang lebih jelas apabila seseorang menjanjikan pulangan yang tetap, melainkan ia bermaksud hutang secara riba. Ini juga selaras dengan syarat bahawa *ijab* mestilah menepati *qabul*. Justeru, apabila *ijab* ialah hutang secara riba maka *qabulnya* juga adalah sama. Hal ini telah digambarkan dalam maksud hadis Rasulullah SAW: Allah melaknat pengambil dan pemberi riba,¹⁷ maka tidak mungkin wujudnya pemberi riba tanpa wujudnya pengambil riba. Yang pastinya kedua-dua golongan ini akan dilaknati oleh Allah. Oleh itu, hukum menyimpan wang di bank-bank konvensional tidak dikatakan menyimpan, tetapi memberi hutang dan faedah tetap yang diterimanya ialah riba yang diharamkan.

Penutup

Simpanan dan hutang mempunyai perbezaan yang besar dalam hukum Islam. Penetapan status hukum bagi wang yang disimpan di bank-bank



Islam sebagai *wadi'ah* adalah tepat dan memberi banyak kebaikan kepada aktiviti perbankan Islam itu sendiri. Ini bagi membolehkan sistem perbankan Islam bersaing dengan sistem konvensional secara sihat.

Sekalipun seakan terdapat persamaan antara simpanan di perbankan Islam dengan simpanan di bank-bank konvensional, tetapi terdapat perbezaan yang jelas dari segi nilai dan hukum. Manfaat simpanan yang diterima daripada perbankan Islam tidak dikaitkan dengan riba yang terlarang, kerana ia hanyalah suatu bentuk tabarru atau kebajikan yang disediakan oleh pihak bank mengikut budi bicara mereka, sebagai penghargaan kepada penyimpan yang telah memberi kebenaran untuk menggunakan wang tersebut. Sebaliknya manfaat simpanan wang di bank-bank konvensional ialah riba yang diharamkan kerana pihak bank telah menjanjikan secara pasti status pemberian dan kadar manfaat daripada simpanan tersebut. Ini menjadikan maksud simpanan telah bertukar kepada hutang. Kaedah syarak tentang hutang adalah jelas sebagaimana maksud hadis yang lalu: “setiap hutang yang mendatangkan manfaat ialah riba”.

Berdasarkan perbezaan status simpanan antara perbankan Islam dan perbankan konvensional, maka dapatlah disimpulkan bahawa apa-apa manfaat yang diterima oleh penyimpan daripada bank Islam sama ada bersifat langsung atau tidak langsung diharuskan kerana ia berlaku atas dasar dan konsep *tabarru*. Manakala apa-apa manfaat yang terhasil daripada simpanan di bank-bank konvensional ialah riba yang diharamkan kerana ia berasaskan hutang.



Nota Hujung

1. Sesetengah fuqaha mengharuskan penggunaan barang simpanan oleh penerima simpanan apabila ia diizinkan oleh pihak penyimpan. Namun penggunaan dan pemanfaatan barang tersebut adalah atas tanggung jawabnya sendiri apabila berlaku kerosakan atau kehilangan pada barang tersebut.
2. Kamus Dewan Edisi Ketiga, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm.854 “manfaat”
3. Abdullah bin Muhammad al-Umrani. 2000. *al-Manfaat fi al-Qardh dirasah Ta'siliyyah Tatbiqiyah*. Arab Saudi: Dar Ibn al-Jawzi, hlm.59-61
4. *Ghallah* ialah pendapatan atau lebihan yang terhasil daripada penggunaan sesuatu benda dengan tidak mengorbankan ain benda tersebut. (lihat: Hammad, Nazih. 1993. *Mu'jam al-mustalahat al-iqtisadiyyah fi lughah al-fuqaha*. IIIT:USA, hlm.212)
5. Lebihan yang berlaku dalam riba *al-fadl* berbentuk fizikal (*ain*). Lebihan dalam riba berbentuk pertukaran juga boleh berlaku dalam bentuk manfaat benda (*thamarat al-ayn*) seperti dalam riba nasiah yang melewati penyerahan salah satu pertukaran dalam transaksi pertukaran. Ini kerana pihak yang telah menerima pertukaran tersebut telah mendapat kelebihan atas barang tersebut berbanding dengan pihak yang belum menerimanya.
6. Maybank Berhad akan mengenakan kadar caj sebanyak RM0.50 pada pengeluaran kali keempat dan seterusnya dalam setiap bulan kepada pemegang yang membuat pengeluaran tunai menggunakan kad debit Maybank di mesin-mesin ATM nya.
7. Mawlawi, Faisal (1990) *Dirasat Hawl al-Riba wa al-Fa'idah wa al-Masarif*. Beirut: Dar al-Rashad al-Islamiyyah, hlm.59
8. Al-Suyuti, Jalal al-Din. 1983. *Al-Ashbah wa al-Nada'ir fi Qawa'id wa Furuq Fiqh al-Shafi'iyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, hal. 166
9. Al-San'ani, Muhammad bin Isma'il. t.th. *Subul al-Salam Sharh Bulugh al-Maram min Adillat al-Ahkam*. Amman: Dar al-Furqan, jil. 3, hal. 69
10. Abu Jayb, Sa'di. 1994. *Al-Riba wa al-Fa'idah*. Beirut: Dar al-Qari, h. 21.
11. *Lazim* bermaksud mengikat (*binding*). Akad yang *lazim* tidak boleh dibubarkan kecuali mendapat persetujuan oleh pihak yang keputusannya mengikat akad tersebut. Lawan kepada akad *lazim* ialah akad harus.

12. Riba hanya berlaku dalam akad pertukaran dan akad hutang, tidak pada akad amanah.
13. *Tabarru* bermaksud kebajikan dan sukarela
14. Ali Haydar. t.th. *Durar al-Hukkam Sharh Majallah al-Ahkam* jil.2. Beirut: Maktabah al-Nahdah, h. 228
15. Sekalipun terdapat kos-kos tertentu namun ia tidak berkaitan dengan simpanan. Contohnya caj mengeluarkan wang simpanan menggunakan mesin ATM, caj membuat bayaran secara on-line kepada pihak-pihak tertentu dan sebagainya yang berdasarkan kepada pengeluaran wang daripada akaun bukannya penyimpanan wang.
16. Walaupun terdapat juga sesetengah pendapat dikalangan fuqaha Shafi'iyah yang mengatakan akad hutang adalah tidak lazim/ mengikat pihak pemiutang, namun itu berlaku sebelum hutang tersebut diserahkan bukan selepas ia diserahkan. Tambahan pula pendapat tersebut merupakan pendapat yang sah sahaja dalam mazhab Shafi'iy bukannya pendapat yang *asah*. (al-Khatib al-Sharbini. t.th. *Mughni al-Muhtaj*, j.2 Beirut: Dar al-Fikr, h. 431.)
17. Al-San'ani, Muhammad bin Ismail. t.th. *Subul al-Salam Sharh Bulugh al-Maram*. J.3. Kaherah: Dar al-Hadith, h.834. Bab al-Riba, hadith 781.

Rujukan

Al-Quran.

Abdullah Muhammad al-'Umrani (2000). *Al-Manfaah fi al-Qardh*. Al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Su'udiyah: Dar Ibn al-Jawziy.

'Ali Ahmad al-Salus (1998). *Al-Iqtisad al-Islami wa al-Qadaya al-Fiqhiyyah al-Mu'asirah*. Dawhah: Dar al-Thaqafah.

Nazih Hammad (1993). *'Aqd al- Wadi'ah fi al-Shari'ah al-Islamiyyah*. Beirut: Dar al-Shamiyyah.

Nazih Hammad (1991). *'Aqd al-Qardh fi al-Shariah al-Islamiyyah*. Beirut: Dar al-Shamiyyah.

Mustafa Al-Khinn et.al. (1996). *Al-Fiqh al-Manhaji 'ala al-madzhab al-Imam al-Shafi'iy*. Damsyik: Dar al-Qalam.

Sa'di Abu Jayb (1994). *al-Fa'idah wa al-Riba*. Beirut: Dar al-Qari.